





- 22 Ibu ke pasar membeli sayur-sayuran.

sawi





Apakah sayur yang ibu beli?

A	
B	
C	
D	



- 23 Alia suka makan buah-buahan.
Buah apa yang boleh Alia makan?


A	
B	
C	
D	



- 24 Ian seorang yang berjimat cermat dan suka menyimpan wang.
Di manakah Ian boleh simpan wang?

A	hospital
B	balai polis
C	sekolah
D	bank





25 Felix gemar bersukan. Apakah sukan yang boleh Felix sertai?



- A ☐ badminton
- B ☐ bola sepak
- C ☐ ping pong
- D ☐ sukan renang

26 Mary mahu beli;

pakaian

- A ☐ 
- B ☐ 
- C ☐ 
- D ☐ 
- D ☐

27 Awan ... menandakan hari hendak hujan.


- A ☐ pudar
- B ☐ kabur
- C ☐ mendung
- D ☐ gelap

- 28 Si Comel sedang tidur nyenyak.
Apakah kata kerja yang ada dalam ayat?




- | | |
|----------|--|
| A | |
|----------|--|
- Si Comel
- | | |
|----------|--|
| B | |
|----------|--|
- sedang
- | | |
|----------|--|
| C | |
|----------|--|
- tidur
- | | |
|----------|--|
| D | |
|----------|--|
- nyenyak

29









- | | |
|----------|--|
| A | |
|----------|--|
- Puan Sally sedang memasak nasi.
- | | |
|----------|--|
| B | |
|----------|--|
- Puan Sally sedang menyidai pakaian.
- | | |
|----------|--|
| C | |
|----------|--|
- Puan Sally sedang mencuci pakaian.
- | | |
|----------|--|
| D | |
|----------|--|
- Puan Sally sedang mencuci pinggan.



- A** ☐ Alin sedang membaca nota.
- B** ☐ Alin sedang mencatat nota.
- C** ☐ Alin sedang membaca buku.
- D** ☐ Alin sedang menyusun buku.

Latihan 2

Lihat gambar-gambar berikut.



Tulis huruf yang betul (A, B, C, D, E atau F) di dalam kotak yang berkaitan.

1 Danish suka makan buah rambutan.

2 Anna menyimpan wang di dalam tabung.

3 Yuan dan datuk pergi memancing.

4 Nenek sedang menjahit baju.

5 Alma suka menulis diari.

[Total: 5]

Latihan 3


Ivan bercerita tentang aktivitinya ketika pulang ke kampung. Baca cerita berikut dengan teliti.

Pada cuti sekolah yang lalu, saya dan keluarga pulang ke rumah nenek di Alor Gajah, Melaka. Kami bertolak pada Pukul 8.00 pagi. Perjalanan ke Alor Gajah selama empat jam. Kami singgah di kawasan rehat dan rawat (R&R) untuk bersarapan. Saya dan kakak makan nasi lemak manakala abang, ibu dan ayah makan bihun goreng.

Nenek dan datuk kelihatan gembira apabila kami tiba di kampung. Mereka menyambut kami dengan mesra. Selepas itu, kami makan tengah hari bersama. Masakan nenek sangat sedap.

Pada petang itu, datuk membawa kami ke dusun buah-buahan. Di dusun datuk terdapat pelbagai jenis pokok buah-buahan seperti rambutan, durian dan manggis. Kami membawa pulang beberapa ikat rambutan ke rumah.

Keesokan harinya, kami pergi memancing ikan di sungai. Saya berasa sungguh seronok apabila mendapat banyak ikan. Nenek memasak asam pedas ikan yang kami pancing. Saya sangat **gembira** kerana dapat bercuti di kampung.



Berdasarkan cerita, tanda kotak yang betul.

1 Di manakah mereka berhenti sarapan?

A	
----------	--

 Restoran Hentian

B	
----------	--

 kawasan R&R

C	
----------	--

 Alor Gajah

[1]

2 Pada pukul berapakah mereka tiba di kampung?

A	
----------	--

 12.00 tengah hari

B	
----------	--

 1.00 petang

C	
----------	--

 8.00 pagi

3 Berapakah bilangan adik-beradik Ivan?

A	
----------	--

 3 orang

B	
----------	--

 4 orang

C	
----------	--

 5 orang

[1]

4 Apakah buah yang dibawa pulang ke rumah?

A	
----------	--

 manggis

B	
----------	--

 durian

C	
----------	--

 rambutan

[1]

5 Berikan perkataan sinonim bagi **gembira**.

A	
----------	--

 sedih

B	
----------	--

 riang

C	
----------	--

 kecewa

[1]

[Total: 5]

Bahagian 2

Latihan 1 Soalan 1–5

Baca teks berikut.

Pembersihan telur secara manual sangat leceh dan memerlukan Kesabaran yang tinggi. Selain itu, kerja-kerja tersebut mengambil masa yang agak lama bagi kuantiti yang banyak.

Oleh itu, Zull Design Autotronic (ZDA) telah mengambil inisiatif untuk menghasilkan mesin yang boleh membantu pengusaha menyelesaikan kerja-kerja membersihkan telur dengan lebih mudah.

Jika sebelum ini pengusaha telur terpaksa membasuh dan memberus kotoran yang terdapat pada telur ayam atau itik menggunakan tangan, kini tidak lagi dengan terciptanya mesin untuk mencuci telur.

Terdapat beberapa kelebihan dalam penggunaan mesin ini berbanding cara manual. Antaranya adalah dapat meningkatkan kapasiti pengeluaran memandangkan mesin tersebut dilengkapi dengan berus dan saiz mesin yang agak besar. Kapasitinya boleh mencapai sehingga 40 biji pada satu-satu masa.

Lengkapkan ayat-ayat berikut dengan perkataan Melayu yang sesuai di bawah.

mencipta	lama	mencuci	mudah
cepat	inisiatif	kapasiti	kemudahan
	manual	menghasilkan	

- 1 Zull Design Autotronic (ZDA) telah mesin ini. [1]
- 2 Pengusaha dan memberus kotoran yang terdapat pada telur. [1]
- 3 Mesin ini dapat meningkatkan pengeluaran memandangkan mesin ini agak besar. [1]
- 4 Kerja-kerja pembersihan telur menjadi lebih dengan mesin ini. [1]
- 5 Penggunaan mesin ini memberi banyak kelebihan berbanding cara [1]

[Total: 5]